
 Ahad, Jan 20 2019

20 Januari 2019 – Astro Awani KUALA LUMPUR: Prestasi kutipan kasar cukai langsung negara bagi 2018 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) meningkat 11.13 peratus kepada RM137.035 bilion berbanding 2017, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Beliau berkata pencapaian ini telah mencipta satu sejarah baharu dalam kutipan hasil cukai langsung negara dan turut mengatasi pencapaian terbaik kutipan cukai langsung yang direkodkan pada 2014 iaitu RM133.70 bilion.

"Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan kutipan daripada komponen pembayarcukai seperti syarikat, individu, petroleum, koperasi, duti setem dan lain-lain.
